

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

SOALAN NO. 147

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan statistik keluaran hasil laut serta bidang akuakultur membabitkan setiap negeri dari tempoh 2013 sehingga 2018. Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mempergiatkan lagi perkembangan industri berkaitan mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia, jumlah pengeluaran hasil perikanan tangkapan dari tahun 2013 hingga 2018 mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	PENGELUARAN MARIN (TM)					
	2013	2014	2015	2016	2017	2018*
Johor	130,924	125,333	103,372	81,223	69,853	70,657
Kedah	112,876	156,110	157,101	163,878	142,550	154,200
Kelantan	57,111	62,238	146,443	218,758	196,132	99,115
Melaka	1,790	1,936	2,019	1,790	1,769	1,913
N. Sembilan	568	806	704	717	659	670
Pahang	107,348	91,146	111,537	120,418	118,066	121,211
Perak	307,186	329,334	346,853	367,347	266,556	302,937
Perlis	99,592	96,450	85,499	99,866	105,893	102,243
P.Pinang	58,201	45,880	49,783	57,013	51,185	54,292
Sabah	196,522	214,676	175,443	159,773	162,343	156,765
Sarawak	159,826	157,249	147,579	147,993	158,936	179,814
Selangor	105,560	92,437	90,026	93,460	125,517	164,397
Terengganu	72,224	58,784	51,185	44,703	47,269	42,288
WP Labuan	73,173	25,737	18,507	17,509	18,385	19,326
JUMLAH	1,482,900	1,458,128	1,486,051	1,574,447	1,465,113	1,469,830

*data awalan

SOALAN NO : 149

Manakala jumlah pengeluaran hasil akuakultur dari tahun 2013 hingga 2018 mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	PENGELUARAN AKUAKULTUR** (TM)					
	2013	2014	2015	2016	2017	2018*
Johor	23,927	22,640	25,369	26,442	24,020	36,093
Kedah	9,860	8,599	6,684	6,452	7,344	10,170
Kelantan	3,520	4,310	4,598	7,355	6,168	8,714
Melaka	9,016	8,040	8,799	4,459	8,000	6,418
N. Sembilan	8,812	7,594	7,278	5,291	4,874	4,371
Pahang	15,144	15,546	13,609	14,010	12,557	12,830
Perak	81,761	56,779	55,221	55,638	61,329	67,520
Perlis	523	417	536	421	704	614
P.Pinang	41,051	68,050	58,736	30,227	45,713	47,034
Sabah	287,503	270,831	281,742	221,560	219,786	219,786
Sarawak	13,289	15,355	10,374	7,355	7,290	7,290
Selangor	29,645	34,303	26,145	23,009	20,387	19,358
Terengganu	6,143	8,041	7,170	8,540	8,814	5,352
WP Labuan	11	10	15	2	1	1
JUMLAH	530,205	520,515	506,276	407,387	427,015	445,550

*data awalan

** air tawar dan air payau

Bagi meningkat pengeluaran perikanan tangkapan dan akuakultur, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, antaranya adalah:

- (i) Mewartakan kawasan refugia perikanan bertujuan untuk melindungi induk ikan dan berfungsi sebagai nurseri kepada anak-anak ikan.
- (ii) Membekukan sementara semua permohonan lesen baharu vesel zon A, B dan C bagi mengawal eksploitasi sumber secara berlebihan.
- (iii) Melabuhkan tukun-tukun tiruan bagi meningkatkan produktiviti biologi dan sumber perikanan pesisir pantai.

SOALAN NO : 149

- (iv) Meningkatkan produktiviti pengeluaran akuakultur sedia ada melalui perkhidmatan pengembangan dan khidmat nasihat teknikal, latihan, bantuan, input berkualiti serta pemindahan teknologi yang cekap.
- (v) Melaksanakan Program Ladang Sinergi melalui pemindahan teknologi, latihan teknikal dan jaminan pasaran melalui belian balik daripada peserta.
- (vi) Mengklusterkan penternak-penternak kecil bagi memudahkan sistem penyampaian khidmat teknikal Jabatan dan sistem pengurusan ladang yang lebih cekap melalui Program Kluster SME.

Sekian, terima kasih.